



ASAS KEFAHAMAN ISLAM DALAM REALITI SEMASA

■

ASAS KEFAHAMAN ISLAM DALAM REALITI SEMASA

Editor:

**Suhaida Abu Bakar
Muhammad Saiful Islami Mohd Taher
Siti Aisyah Yusof**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah
2021

ASAS KEFAHAMAN ISLAM DALAM
REALITI SEMASA

Ahmad Yumni Abu Bakar
Md Saufi Abdul Hamid
Mohd Muhaizam Md Ishak
Muhammad Saiful Islami Mohd Taher
Nik Liyana Mustapa@Nik Daud
Noor Hidayah Kasim
Siti Aisyah Yusof
Suhaida Abu Bakar

Hakcipta adalah terpelihara. Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian buku ini dalam apa jua bentuk dan teknik sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik atau lain-lain cara sebelum mendapatkan keizinan daripada penerbit Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah.

Cetakan Pertama September 2018
Cetakan Kedua Oktober 2018
Cetakan Ketiga Mac 2019
Cetakan keempat 2021

Reka bentuk dan ilustrasi kulit:
Canva.com

Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah

Senarai Penulis Bab Dalam Buku Ini

Bab 1	Tasawwur Islam <i>Suhaida Abu Bakar</i> <i>Ahmad Yumni Abu Bakar</i>
Bab 2	Akidah Sejahtera Ummah Bahagia <i>Muhammad Saiful Islami Mohd Taher</i> <i>Mohd Muhaizam Md Ishak</i>
Bab 3	Indahnya Hidup Bersyariat <i>Noor Hidayah Kasim</i>
Bab 4	Ibadah Membina Insan Berkualiti <i>Md Saufi Abdul Hamid</i>
Bab 5	Akhlak Dalam Perkembangan Masyarakat Islam Kontemporari <i>Siti Aisyah Yusof</i> <i>Nik Liyana Mustapa@Nik Daud</i>

BAB 4

IBADAH MEMBINA INSAN BERKUALITI

Md Saufi bin Abdul Hamid

Objektif Pembelajaran

1. Menghuraikan konsep Ibadah dalam Islam dan asas-asasnya
2. Menerangkan syarat-syarat pelaksanaan ibadah.
3. Mengenalpasti keistimewaan-keistimewaan ibadah dalam Islam.
4. Menjelaskan kesan yang diperolehi selepas melaksanakan ibadah.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir pembelajaran, diharapkan pelajar akan dapat:

- Mengetahui konsep Ibadah dan asas-asas ibadah dalam Islam.
- Mengetahui syarat-syarat pelaksanaan ibadah dalam Islam.
- Mengetahui keistimewaan ibadah dalam Islam.
- Mengetahui kesan pelaksanaan ibadah dalam kehidupan.

4.0 PENDAHULUAN

Tujuan manusia diciptakan adalah untuk menjadi hamba dan beribadah kepada Allah SWT. Firman Allah SWT:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ٥٦

Maksudnya: *“Dan tidaklah Aku menciptakan jin dan manusia melainkan untuk menyembahKu”*.

(Surah al-Dzariyat (51) : 56)

Beribadat kepada Allah SWT adalah satu tuntutan dalam seluruh aspek kehidupan manusia. Nilai pengabdian kepada Allah Yang Maha Esa ini menjadi menjadi paksi kepada semua pergerakan dan aktiviti manusia.

4.1 IBADAH DALAM ISLAM

4.1.1 Pengertian Ibadah

Menurut bahasa, ibadah berasal daripada perkataan *‘abada - ya’budu - ‘abdan* yang bererti taat, tunduk, patuh dan merendah diri.

Seseorang yang tunduk dan merendah diri di hadapan Allah SWT digelar 'abid (hamba). Ketundukan dan kepatuhan yang dimaksudkan tidak hanya bersifat zahir malah meliputi batin atau dengan kata lain ketaatan secara menyeluruh.

Segala perbuatan yang disukai dan diredai oleh Allah SWT, samada perkataan mahupun tindakan, secara terang-terangan ataupun tersembunyi dalam rangka mengagungkan Allah SWT dan mengharapkan pahalanya juga dikatakan sebagai ibadah. Ibadah adalah merupakan kewajipan untuk melaksanakan syariat Allah SWT selari dengan pelaksanaan yang telah dicontohkan oleh Rasulullah SAW (Abu Bakar Ismail, 2003).

Menurut al-Raghib al-Asfahani, menyatakan bahawa ibadah itu terdiri dari dua jenis iaitu pertamanya ialah ibadah sukarela dengan menghambakan diri. Keduanya ialah ibadah yang telah ditentukan iaitu yang telah diperintahkan oleh Allah SWT dilaksanakan (al-Raghib al-Asfahani, 1961).

Manakala menurut Abu al-A’la al-Mawdudi pula, makna ibadah dan hakikatnya ialah penyembahan hamba kepada tuannya. Dikatakan ibadat ialah segala apa yang terhasil daripada penyembahan hamba tersebut dalam mentaati tuannya. Termasuk dalam makna ibadah juga ialah menjauhi berbohong dalam percakapan, tidak mengumpat, berlaku adil, berurusan dalam urusan jual beli dengan jujur, menjaga hubungan baik sesama manusia dan menunaikan yang hak (Abu al-A’la al-Mawdudi, t.t.).

Ketika memberi makna ibadah, Syeikh Muhammad 'Abduh menghuraikan ayat 56 Surah al-Dhariyat yang bermaksud:

"Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu."

(Surah al-Dhariyat (51):56)

Merujuk kepada maksud ayat di atas, tujuan utama manusia diciptakan adalah untuk beribadah kepada Allah SWT. Setiap perbuatan manusia bermula dari niat dan keazaman melakukan sesuatu, perkataan dan gerakan anggota badan semata-mata kerana Allah SWT adalah ibadah. Setiap orang Islam mestilah melakukan segala amalan yang telah diwajibkan oleh Allah SWT seperti bersuci bagi menghasilkan kebersihan dan kecerdasan, solat bertujuan menjauhkan kemungkaran dan kejahatan, berzakat yang akan membersihkan harta dan membantu golongan miskin, berpuasa menghasilkan faedah kesihatan badan dan benteng daripada godaan syaitan serta ibadah haji dan umrah menjadi aktiviti berziarah di jalan Allah SWT dan perhimpunan umat Islam sedunia (Muhammad Ismail 'Abduh, 1984).

4.1.2 Pembahagian Ibadah

Ibadah dalam Islam boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

4.1.2.1 Ibadah Umum

Ibadah umum mempunyai skop yang sangat luas. Segala pekerjaan, perbuatan, perkataan mahupun gerak hati boleh dinamakan sebagai ibadah jika ia menepati syarat-syarat ibadah yang dikehendaki oleh syarak (A. Rahman Ritonga dan Zainuddin, 1999).

4.1.2.2 Ibadah Khusus

Ibadah khusus bermaksud segala amalan yang disebut secara khusus di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah dengan penentuan kaedahnya. Ia boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu ibadah fardu dan ibadah sunat.

4.1.2.2.1 Ibadah Fardu

Ibadah fardu ialah ibadah yang diwajibkan ke atas umat manusia untuk melaksanakannya. Ia dapat dibahagikan kepada fardu 'ain dan fardu kifayah.

a. Ibadat Fardu 'Ain

Ibadah fardu 'ain ialah ibadah yang wajib dilakukan oleh setiap mukallaf. Sekiranya ibadah tersebut dilakukan, maka pelakunya akan mendapat pahala. Sebaliknya jika ia ditinggalkan maka pelakunya akan mendapat dosa. Contohnya melaksanakan solat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadhan, menunaikan zakat dan haji sekiranya mampu dan sebagainya.

b. Ibadah Fardu Kifayah

Ibadah fardu kifayah ialah sesuatu amalan yang wajib ke atas sebahagian daripada anggota masyarakat Islam, demi kemaslahatan umat. Seandainya semua orang Islam di dalam komuniti tersebut tidak melakukannya, maka kesemuanya dikira berdosa. Contohnya menguruskan jenazah, mempelajari dan mengamalkan bidang-bidang yang mendatangkan manfaat kepada umat Islam seperti ilmu perubatan, kejuruteraan, pengurusan perniagaan dan sebagainya.

4.1.2.2.1 Ibadah Sunat

Ibadah sunat merupakan suatu amalan yang jika dilakukan, pelakunya akan mendapat pahala, manakala jika ia ditinggalkan, tidak pula berdosa. Ibadah sunat ini terbahagi pula kepada dua iaitu sunat yang sangat dituntut (sunat muakkad) contohnya solat sunat dhuha dan solat sunat fajar; dan sunat ghairu muakkad contohnya solat sunat dua rakaat sebelum maghrib.

4.2 ASAS-ASAS IBADAH

Perlaksanaan ibadah mestilah berasaskan kepada asas-asas yang berikut:

a. Ilmu

Ibadat yang dilaksanakan mestilah berasaskan kepada ilmu yang diambil daripada sumber yang benar dan berautoriti. Sumber ini merujuk kepada sumber asasi seperti al-Qur'an dan al-Sunnah dan juga sumber tafsiran seperti ijmak dan qiyas. Sebagai contohnya mengikut kaedah pelaksanaan ibadat mengikut aliran mazhab Imam Syafi'e yang dipraktikkan dan dikuatkuasakan di bawah bidang kuasa jabatan dan majlis agama Islam di negeri-negeri di Malaysia.

Ilmu yang diperlukan untuk beribadat pada asasnya ialah ilmu tauhid, ilmu fiqh dan ilmu tasawwuf. Ketiga-tiga ilmu asas ini dinamakan ilmu fardu 'ain yang wajib dipelajari oleh setiap mukallaf untuk mencapai kesempurnaan dalam beribadah. Menurut Imam al-Ghazzali (1990), yang dimaksudkan dengan ilmu fardu 'ain ialah, pertama; ilmu tauhid. Mempelajari ilmu ini dapat mengenali Allah SWT dan sifat-sifatNya. Kedua; ilmu mengenai cara-cara mengerjakan ibadat dan ilmu yang boleh membezakan mana yang halal dan mana yang haram. Ketiga; ilmu yang menjelaskan hal ehwal hati dan mengenai sifat-sifat mahmudah serta sifat-sifat mazmumah iaitulah ilmu tasawwuf.

Perintah menuntut ilmu adalah jelas seperti dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila

orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah)".

)Surah at-Taubah (9) : 122)

Dalil hadis adalah seperti sabda Nabi SAW yang bermaksud:

"Mencari ilmu itu wajib bagi setiap muslim".

)Riwayat Ibnu Majah)

Melaksanakan ibadat tanpa ilmu tidak akan menghasilkan kebaikan malah menahirkan keburukan. Khalifah Umar bin Abd Aziz berkata sesiapa yang beramal tanpa ilmu, maka kerosakan lebih banyak dihasilkan daripada kebaikan. Imam al-Ghazzali menyebut ilmu tanpa amal adalah gila dan amal tanpa ilmu adalah sia-sia.

b. Iman

Iman ialah pengakuan dan membenaran. Ia adalah keyakinan yang ada di dalam batin. Iman meliputi niat, perkataan dan perbuatan. Iman yang ada dalam diri Muslim akan mendorongnya melaksanakan ibadah. Iman adalah pencetus utama untuk melaksanakan ibadah. Tanpa iman, ibadah menjadi sia-sia dan tidak berguna. Menurut al-Qaradawi (1983), hakikat iman bukanlah semata-mata ucapan lidah, mahupun perbuatan atau angan-angan sahaja. Akan tetapi iman ialah satu jenis perasaan yang menusuk dalam jiwa manusia sehingga menjadi penggerak utama untuk beribadah. Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Sesungguhnya perkataan yang diucapkan oleh orang-orang yang beriman ketika mereka diajak kepada Kitab Allah dan Sunnah RasulNya, supaya menjadi hakim yang memutuskan sesuatu di antara mereka, hanyalah mereka berkata: "Kami dengar dan kami taat", dan mereka itulah orang-orang yang beroleh kejayaan".

(Surah al-Nur (24) : 51)

Seseorang muslim yang mempunyai iman yang benar akan mudah untuk melaksanakan segala tuntutan yang ada dalam prinsip-prinsip akidah, ibadah dan akhlak seperti mana difirmankan oleh Allah SWT yang bermaksud:

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifatNya) gemetarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah. Iaitu orang-orang yang mendirikan solat dan yang mendermakan sebahagian dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka. Merekalah orang-orang yang beriman dengan sebenar-benarnya. Mereka

akan mendapat pangkat-pangkat yang tinggi di sisi Tuhan mereka dan keampunan serta limpah kurnia yang mulia (di dalam syurga).

(Surah al-Anfal (8) : 2)

c. Ihsan

Ihsan ialah beribadat secara bersungguh dan memberi penuh perhatian, merasakan seolah-olah sedang melihat Allah. Jika tidak mampu, ia beribadat seperti sedang diperhatikan oleh Allah SWT. Mempunyai sifat ihsan memberikan satu isyarat bahawa ada perasaan yang amat dekat dan rapat dengan Allah SWT ketika beribadah. Rasulullah SAW bersabda ketika ditanya oleh malaikat Jibril mengenai maksud ihsan:

“Hendaklah engkau beribadah kepada Allah seakan-akan engkau melihatNya. Kalaupun engkau tidak melihatNya, sesungguhnya Dia melihat engkau”.

(Riwayat Muslim)

Ihsan ialah Ibadat yang berserta dengannya *muraqabah* kepada Allah SWT. Orang yang beribadat akan terasa diawasi oleh Allah SWT. Kesan *muraqabah* akan melahirkan sifat wara', bertanggungjawab dan beramanah. Dengan sifat ihsan ini juga, ibadat akan dilaksanakan secara bersungguh-sungguh dan penuh ketekunan.

d. Ikhlas

Ibadah akan diterima oleh Allah SWT sekiranya disertai niat yang ikhlas iaitulah melakukan sesuatu ibadah hanya kerana Allah SWT tanpa mempersekutukannya. Amal ibadah tidak akan menghasilkan pahala kecuali berniat kerana Allah SWT.

Maksud ikhlas ialah murni iaitu bersih, suci, yang tidak bercampur dengan sesuatu. Ia umpama susu yang suci, murni dan asli. Menurut Imam al-Ghazzali berkenaan definisi *al-ikhlas*, iaitulah sesuatu yang bercampur apabila bersih dari campuran tersebut maka ia dikenali sebagai *khalis*. Perbuatan untuk membersihkan atau mengasingkan antara kedua-duanya disebut sebagai ikhlas. Hakikat asalnya adalah murni serta putih yang tidak bercampur dengan sesuatupun seperti firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternak itu, kamu beroleh pelajaran yang mendatangkan iktibar. Kami beri minum kepada kamu daripada apa yang terbit dari dalam perutnya, yang lahir dari antara hampas makanan dengan darah; (iaitu) susu yang bersih, yang mudah diminum, lagi sedap rasanya bagi orang-orang yang meminumnya”.

(Surah al-Nahl (16) : 66)

Melakukan ibadah mestilah ikhlas iaitu bersih dari segala tujuan dan pengaruh lain seperti riyak, ujub, takabbur, sum'ah dan sebagainya. Contohnya bersolat dan membaca al-Quran kerana ingin dipuji oleh rakan-rakan. Tujuan ibadah adalah untuk bertaqarrub mendekati Allah SWT. Apabila ibadat dilakukan kerana yang selain Allah SWT, maka amalan atau ibadat tersebut terkeluar dari had dan batasan ikhlas (Imam al-Ghazzali, 1990).

“Padahal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhhlaskan ibadah kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan solat serta mengeluarkan zakat. Dan yang demikian itulah agama yang benar”.

(Surah al-Bayyinah (98) : 5)

Antara tanda ikhlas ketika beribadah ialah bersemangat untuk beribadah demi Allah SWT dan untuk meninggikan syiar agama Islam. Orang yang ikhlas beribadah lebih suka menyembunyikan ibadahnya daripada diketahui oleh orang lain. Ia juga sabar dan mempunyai ketahanan yang tinggi ketika melaksanakan ibadah.

4.3 SYARAT-SYARAT IBADAH

Secara umumnya ibadah dalam Islam merangkumi seluruh aktiviti, perbuatan, perkataan dan gerak hati manusia. Semua ini menjadi ibadah dan mendapat pahala ibadah seandainya amalan tersebut dilakukan selaras dengan peraturan syariat Islam (Dr. Mohd Nasir Ayub, 2015). Antara syarat-syarat yang menjadikan setiap perbuatan, perkataan dan pekerjaan dikira sebagai ibadah ialah:

a. Niat yang ikhlas

Niat merupakan perkara terpenting dalam menentukan sesuatu amalan sama ada amalan itu diterima ataupun ditolak (Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar et al., 2014). Setiap orang itu akan mengikut apa yang diniatkannya, sebagaimana Nabi SAW pernah bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya setiap amalan adalah dengan niat, dan setiap orang itu mengikut apa yang diniatkannya”.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Sebagai contoh, mandi pada awal pagi hari raya puasa adalah adalah dikira ibadah sekiranya disertai dengan niat ketika air mula sampai ke anggota badan. Tanpa niat, perbuatan mandi tersebut menjadi sama seperti mandi kebiasaan pada hari-hari yang lain.

Misal yang lain, seandainya seseorang itu melakukan aktiviti-aktiviti fizikal seperti bersukan dengan niat untuk menyihatkan tubuh badan bagi membolehkan dirinya dapat beramal ibadat dengan sempurna, maka aktiviti fizikal tersebut adalah dikira sebagai amalan ibadat (Rushdi Ramli, 2010).

Mencari rezeki dan wang adalah sesuatu yang harus. Namun sekiranya seseorang itu mencari wang dengan niat untuk menjaga air mukanya dan bagi tujuan menampung keperluan ahli keluarganya maka usahanya itu dikira sebagai amalan sunat yang mendapat ganjaran pahala. Sebaliknya, sekiranya usahanya untuk mendapatkan wang adalah bagi tujuan membolehkan dirinya melakukan maksiat maka usaha yang dilakukan itu adalah haram (Rushdi Ramli, 2010).

Begitu juga ada ketikanya sesuatu amalan harus boleh bertukar menjadi haram sekiranya perbuatan harus itu membawa kepada perkara yang haram. Misalnya, jika seseorang menggunakan air yang dimilikinya untuk menyiram hasil tanamannya sedangkan pada masa yang sama terdapat orang-orang tertentu yang amat memerlukan air tersebut bagi menyelamatkan nyawa mereka, maka perbuatan menyiram tanaman pada masa tersebut dianggap sebagai haram (Rushdi Ramli, 2010).

Menurut al-Jurjani, ikhlas pada sudut bahasa ialah meninggalkan riyak apabila melakukan ketaatan. Manakala dari sudut istilah, ikhlas bermaksud membersihkan hati daripada bercampur dengan sesuatu yang memudahkan kebersihannya. Jika dapat mengetahui sesuatu yang mencampurinya, maka ia dapat dielakkan. Menurut al-Qushayri, ikhlas bermaksud berniat semata-mata kerana Tuhan yang memiliki nama al-Haqq di dalam ketaatan. Manusia mentaati Allah SWT adalah semata-mata kerana ingin mendekati diri kepadaNya tanpa sebab yang lain seperti inginkan pujian dan lain-lain. Hakikat keikhlasan ialah terpelihara dari belenggu riyak dan hawa nafsu (Mohd Hasrul Shuhari dan Mohd Fauzi Hamat, 2015).

b. Tidak Bertentangan Dengan Syariat

Segala perbuatan harus yang dilakukan hendaklah tidak bertentangan dengan syariat. Perbuatan-perbuatan harus dalam syariat Islam dikenali sebagai *al-umur al-mubahah*, iaitu perbuatan yang syariat mengizinkan seseorang itu sama ada untuk melakukannya atau untuk meninggalkannya. Contohnya makan, minum, memandang kepada kejadian makhluk Allah, senyum, ketawa, duduk, berbaring, berdiri, tidur dan sebagainya. Perbuatan-perbuatan seumpama ini diistilahkan oleh para ulama' sebagai amalan-amalan adat seharian. Sebahagian ulama' berpendapat perbuatan-perbuatan harus ini boleh menjadi ibadah kepada Allah, iaitu diberikan pahala sekiranya disertai dengan niat yang betul dan diredhai oleh Allah SWT (Rushdi Ramli, 2010).

Perbuatan harus yang tidak dilarang oleh syariat seperti makan, tidur, mencari rezeki dan sebagainya boleh dikira sebagai ibadah sekiranya seseorang itu berniat untuk mendapatkan kekuatan dan tenaga bagi melaksanakan perintah Allah melalui perbuatan-perbuatan itu.

c. Tidak Melalaikan Ibadah Khusus

Menurut Imam al-Ghazzali (1990), perbuatan-perbuatan harus yang menjanjikan nikmat yang segera di dunia ini seperti makan dan minum, namun ia disalurkan ke arah ketaatan kepada Allah dan bagi maksud mencapai kebahagiaan di akhirat. Perbuatan harus di sini merujuk kepada segala perlakuan yang tidak dapat tidak perlu dilakukan oleh seseorang bagi memungkinkan dirinya untuk terus hidup dan

seterusnya berupaya untuk terus mencari ilmu dan beramal ibadah. Maka perlakuan seperti ini tidak termasuk dalam kategori perbuatan dunia yang tercela.

Namun seandainya perbuatan-perbuatan harian seseorang itu dilakukan pada kadar yang melebihi had yang diperlukan bagi mencapai kebahagiaan di akhirat, maka perbuatan tersebut tidak lagi dianggap sebagai perbuatan harus yang terpuji, atau suatu ibadah yang mendapat pahala di sisi Allah, bahkan perbuatan seumpama ini dihukumkan oleh Imam al-Ghazzali sebagai tercela dan perlu ditinggalkan.

Imam al-Ghazzali juga menambah selain daripada niat yang salih, perbuatan-perbuatan harus itu juga sewajarnya dilakukan serta dinikmati dalam kadarnya yang bersifat darurat dan hajat sahaja, iaitu dalam kadar yang amat terbatas, yang diperlukan bagi membolehkan seseorang itu untuk terus beribadah kepada Allah dan bukannya bagi tujuan mengecapi nikmat semata-mata (Rushdi Ramli, 2010).

d. Dilakukan Dengan Bersungguh-Sungguh

Amalan dan perbuatan hendaklah dilakukan secara bersungguh-sungguh, tidak diambil mudah dan tidak dilakukan secara sambil lewa. Islam menitikberatkan kecemerlangan dalam apa jua pekerjaan yang dilakukan oleh manusia. Dalam al-Qur'an, ada perkataan seperti *'ahsanu 'amala, aflaha* dan *ihšana*. Antara ciri-ciri pekerjaan yang dilaksanakan dengan berkualiti adalah seperti tekun, khusyuk, ikhlas, konsisten, amanah dan sebagainya (Sharifah Hayati, 2008). Nabi Muhammad SAW menyatakan dalam sabdanya yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah suka jika seseorang itu bekerja, maka ia bekerja dengan tekun (memperelokkan kerjanya itu)".

(Riwayat al-Baihaqi)

4.4 KEISTIMEWAAN IBADAH DALAM ISLAM

Keistimewaan-keistimewaan ibadah dalam Islam seperti berikut:

i- Hubungan Hamba Dengan Allah SWT Adalah Secara Langsung

Ibadah yang dilaksanakan oleh seseorang hamba kepada Allah SWT adalah secara langsung dan bebas daripada sebarang perantaraan yang disembah. Ini dibuktikan apabila Allah SWT sendiri menyatakan di dalam al-Qur'an al-Karim bahawa Ia amat dekat dengan hambaNya yang beriman dan akan memperkenankan doa hambaNya secara langsung. Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu mengenai Aku, maka (beritahu kepada mereka): Sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepadaKu. Maka hendaklah mereka menyahut seruanKu (dengan mematuhi perintahKu), dan hendaklah mereka beriman kepadaKu supaya mereka menjadi baik serta betul".

(Surah al-Baqarah (2) : 186)

Dalam agama Yahudi misalnya, terdapat satu golongan yang dikenali sebagai rahib yang berperanan sebagai perantara antara penganut Yahudi dengan Tuhan mereka. Firman Allah SWT dalam al-Qur'an berkenaan hal ini yang bermaksud:

"Mereka menjadikan pendeta-pendeta dan ahli-ahli agama mereka sebagai pendidik-pendidik selain dari Allah, dan juga (mereka mempertuhankan) al-Masih ibni Maryam, padahal mereka tidak diperintahkan melainkan untuk menyembah Tuhan Yang Maha Esa; tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia. Maha Suci Allah dari apa yang mereka sekutukan".

(Surah al-Taubah (9) : 31)

Rasulullah SAW dan para ulama' adalah wasilah perantara yang menyampaikan agama Islam ini kepada umat. Dalam Islam, para ulama' dan fuqaha' berperanan untuk mengkaji dan menyelidik hukum-hukum syariat dari nas-nas al-Qur'an dan al-Sunnah serta menyampaikan kepada orang ramai. Mereka tidak mengampuni dosa atau mengkabulkan doa seperti yang dipraktikkan dalam sesetengah ajaran agama lain.

ii- Tidak Terikat Dengan Sesuatu Tempat Dan Masa Tertentu

Dalam melakukan ibadah, umat Islam tidak tertakluk kepada tempat-tempat tertentu. Seluruh bumi Allah SWT adalah tempat beribadah bagi orang mukmin. Dalam Islam, ibadah boleh dilakukan di mana-mana sahaja kerana perhubungan seseorang dengan Tuhannya adalah bersifat terus. Islam menganggap seluruh permukaan bumi adalah masjid (tempat sujud) kecuali tempat-tempat yang bernajis dan kotor. Rasulullah SAW sendiri menunjukkan teladan ini apabila baginda bersolat di mana sahaja berada sama ada di tengah-tengah padang pasir atau di atas kenderaan. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Di mana sahaja kamu berada, sedangkan telah tiba waktu solat, maka bersolatlah kerana bagi kamu setiap tanah di bumi adalah masjid".

(Riwayat Bukhari)

iii- Tidak Membebankan

Pelaksanaan ibadah dalam Islam adalah mengikut kemampuan manusia dan sama sekali tidak membebankan. Perkara ini dilihat dalam pelaksanaan ibadah khusus yang diwajibkan kepada umat Islam. Sebagai contoh, pelaksanaan ibadah solat, ia wajib dilakukan mengikut kemampuan manusia. Sekiranya seseorang muslim itu sakit dan tidak mampu menunaikannya secara berdiri tegak, maka dia dibolehkan duduk, baring atau menggunakan isyarat mata dan hati sebagai ganti tidak dapat menggerakkan anggota. Begitu juga dengan ibadah-ibadah lain seperti puasa, haji dan zakat. Dalam al-Qur'an, Allah berfirman yang bermaksud:

"Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. Ia mendapat pahala (dari kebajikan) yang diusahakannya dan ia mendapat siksa (dari kejahatan) yang dikerjakannya".

(Surah al-Baqarah (2) : 286)

Dalam Islam terdapat satu bentuk keringanan (*rukhsah*) yang diberikan kepada orang tertentu yang mempunyai sebab-sebab tertentu. Contohnya solat jamak dan qasar bagi orang yang bermusafir, penggunaan debu tanah untuk bertayammum bagi menggantikan air dan lain-lain lagi. Semuanya menunjukkan bahawa ibadah dalam Islam sedikitpun tidak membebankan hamba-hambanya dan semuanya adalah berdasarkan kepada kemampuan mereka.

iv- Skop Ibadah Yang Luas

Skop ibadah dalam Islam adalah amat luas dan merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia. Ibadah boleh berlaku sejak manusia itu bangun dari tidur sehinggalah dia tidur kembali. Semua perbuatan yang dilakukan dalam kehidupan seharian boleh menjadi ibadah asalkan menepati segala syaratnya. Skop ibadah tidaklah tertumpu kepada hubungan manusia dengan Allah (*Hablun Minallah*) semata-mata, bahkan melibatkan juga hubungan manusia sesama manusia (*Hablun Minannas*) dan juga hubungan manusia dengan alam sekitar. Seseorang muslim mempunyai tanggungjawab terhadap diri sendiri, anak isteri dan keluarga, jiran tetangga dan anggota masyarakat. Kesemua tanggungjawab ini jika dilakukan berlandaskan syariat Islam, maka pelaksanaan tanggungjawab-tanggungjawab tadi adalah dikira sebagai ibadah kepada Allah SWT.

Keluasan ibadah seumpama ini hanyalah wujud dalam agama Islam kerana agama dan kepercayaan lain memisahkan antara ibadah dengan urusan kehidupan. Bagi agama-agama lain, urusan berkaitan ibadah hanyalah terhad di rumah-rumah ibadah mereka sahaja dan terbatas pula kepada hubungan mereka dengan Tuhan semata-mata.

Kesimpulannya, telah jelas bahawa Islam adalah agama yang sesuai dengan peranan manusia di atas muka bumi sebagai hamba dan khalifah Allah. Di samping itu, ruang lingkup ibadah yang terbuka luas dapat dimanfaatkan oleh semua umat Islam untuk mencapai kejayaan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

4.5 KESAN IBADAH DALAM KEHIDUPAN

Antara kesan-kesan ibadah secara khusus adalah seperti berikut:

i- Kesan Ibadah Solat

Solat adalah ibadah penting dan tunggak utama keimanan seseorang mukmin. Ibadah solat merupakan rukun Islam yang kedua selepas mengucap dua kalimah syahadah (Sayyid Sabiq, 1990). Menurut istilah feqah, solat memberi maksud beberapa perkataan dan perbuatan yang didahului dengan takbir dan diakhiri dengan salam, mengikut syarat-syarat tertentu (Al-Syarbini, 1999).

Ibadah solat merupakan ibadah yang pertama dihitung di akhirat kelak seperti disebut oleh Rasulullah dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A yang bermaksud:

“Amalan yang mula-mula dihisab (diperhitungkan) daripada seseorang hamba pada hari kiamat ialah solat jika sempurna solatnya. Jika tidak, Allah berfirman:

Lihatlah kepada solat-solat sunat yang dikerjakan oleh hambaku ini jika ada yang sunat sempurnakanlah solat-solat fardu itu dengan solat-solat sunat"

(Riwayat al-Bukhari)

Menurut Abd Rasyid Hj Ahmad (1995) ibadah solat adalah ibadah wajib dilaksanakan berulang kali pada setiap pagi, siang, petang dan malam berterusan hingga ke akhir hayat. Maka kewajipan ini merupakan didikan Ilahi yang semestinya akan membuahkan kesan-kesan positif dalam berbagai aspek kehidupan manusia.

Solat yang didirikan dengan sebenarnya dapat menghidupkan jiwa. Jiwa yang hidup akan mendorong orang yang bersolat kepada kebaikan dan membenci kejahatan. Solat yang didirikan dengan sambil lewa adalah solat yang ketiadaan roh. Solat yang dilakukan dengan penuh keyakinan hati, kerelaan perasaan dan kesedaran akal, maka solat itulah yang melahirkan kekuatan sebagai penggerak ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran, sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

"Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahikan kepadamu dari Al-Qur'an, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan. "

(Al'Ankabut (29) : 45)

Solat diperintahkan di dalam waktu-waktu tertentu bertujuan membangunkan kesedaran agar sentiasa berjaga-jaga tentang kepentingan masa. Sekiranya waktu solat itu merupakan jadual waktu yang harus dipatuhi dan temu janji yang harus di tepati oleh seseorang hamba dengan Allah SWT, maka disiplin waktu itu dengan sendirinya akan membentuk corak hidup sistematis bagi seorang muslim. Oleh itu sebahagian ulama salaf menyebut solat fardhu lima waktu itu sebagai *Nizam al-Yawn* (disiplin harian) dan solat Jumaat itu sebagai *Nizam al-Ushbu'* (disiplin mingguan) (Abd. Rasyid Hj. Ahmad, 1995).

Seseorang muslim yang mendirikan ibadah solat akan memperoleh ketenangan jiwa kerana ia berada di hadapan Tuhan Rab al-Alamin yang akan memberikan segala sesuatu dan mampu menolak segala bencana dan kesusahan. Semua rukun-rukun ibadah solat adalah satu bentuk munajat kepada Penguasa alam semesta yang Maha Berkuasa ke atas segala sesuatu, apabila Ia mengkehendaki sesuatu maka dengan mudah sahaja ia terjadi. Orang yang bersolat berdoa dan meminta ketika berdiri, rukuk, sujud dan duduk kepada Pemerintah alam semesta dan permintaannya dan doanya tidak sama sekali disia-siakan. Jiwa orang yang bersolat akan menjadi tenang lantaran permintaannya mendapat jaminan diperkenankan oleh Allah pemilik segala sesuatu.

Orang yang bersolat akan merasai bahawa ia tidak bersendirian dalam menyelesaikan masalah dalam kehidupannya. Ketika ia bersolat, ia meluahkan segala-galanya kepada Tuhan yang mengetahui segala rahsia jiwanya dan Dia tidak pula membongkar rahsiannya. Sikap menyembunyikan atau memendam rasa akan

menambahkan derita. Maka melalui ibadah solat seseorang itu berpeluang mencurahkan masalahnya di dalam doanya kepada Allah ketika bersolat.

Ibadah solat juga dapat memberikan kekuatan dalam kepada seseorang mukmin untuk menempuh penderitaan dan aneka ragam hidup di dunia ini. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Wahai sekalian orang yang beriman! Mintalah pertolongan dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) sembahyang; kerana sesungguhnya Allah menyertai orang yang sabar.

(Surah al-Baqarah (2) : 153)

Dan mintalah pertolongan dengan jalan sabar dan mengerjakan solat; dan sesungguhnya solat itu amatlah berat kecuali orang yang khusyuk; (Iaitu) mereka yang percaya dengan yakin bahawa mereka akan menemui Tuhan mereka, dan bahawa mereka akan kembali kepada-Nya.

(Surah al-Baqarah (2) : 45-46)

Solat juga dapat menyedarkan seseorang terhadap kesalahan yang dilakukannya kerana keadaan orang yang bersolat seumpama pesalah yang menyerah diri kepada penguasa. Ia membentangkan diri untuk diperiksa oleh Allah Yang Maha Mengetahui, yang tidak ada sesuatu apa pun yang terlindung dari ilmu-Nya. Orang yang menunaikan ibadah solat sentiasa membersihkan dirinya dari sebarang dosa dengan bertaubat kepada Allah SWT. Dalam hal ini Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Adakah kamu lihat sekiranya di hadapan pintu rumah seseorang kamu ada sebatang sungai, yang dapat dia mandi di dalamnya setiap hari lima kali, adakah masih terdapat lagi pada badanya sesuatu kekotoran, para sahabat menjawab: ‘tidak’. Lalu baginda bersabda: Demikianlah perbandingan solat-solat lima waktu itu, Allah menghapuskan segala dosa-dosa dengannya.”

Islam menggalakkan supaya solat dilakukan secara berjamaah, terutamanya di masjid. Perlaksanaan solat secara sorang diri dan terpisah daripada masyarakat belum memadai berdasarkan seperti yang dianjurkan syariat Islam. Perjumpaan yang berlaku di antara anggota masyarakat ketika bersolat jamaah secara berterusan hari demi hari sudah tentu merupakan suatu bentuk pendidikan kemasyarakatan yang positif seperti kemerdekaan jiwa, kemerdekaan memberi pandangan dan mengkritik, persaudaraan dan persamaan (Abd. Rasyid Hj. Ahmad, 1995).

Ibadah solat juga menyediakan satu bentuk senaman badan yang cukup sederhana dan tidak membahayakan dilakukan secara berterusan tidak kurang dari lima kali sehari semalam. Bermula dari waktu subuh sebelum naik matahari, kerana tubuh badan ketika itu perlu digerakkan cergas setelah lemah dengan sebab tidur. Waktu zuhur dan asar memberikan kerehatan kepada fikiran yang bekerja kuat dalam mengurus segala aktiviti hidup seharian. Waktu maghrib dan isya' adalah sebaik-baik senaman badan dan santapan jiwa bagi menutup kehidupan siang yang penuh dengan kesibukan dan menyambut kedatangan malam yang penuh ketenangan dan kedamaian (Abd. Rasyid Hj. Ahmad, 1995).

ii- Kesan Ibadah Puasa

Puasa ialah ibadah khusus yang mempunyai banyak kesan terutamanya ke arah pembentukan akhlak yang mulia. Puasa juga mampu menjadi sumber kesihatan rohani dan jasmani manusia. Ibadah puasa mencetuskan sifat kasih sesama insan dengan syarat orang yang berpuasa memenuhi semua tuntutan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam syariat Islam. Antara kesan yang paling penting bagi orang yang berpuasa ialah kesan taqwa seperti firman Allah SWT yang bermaksud :

“Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa”.

(Surah al-Baqarah (2) : 183)

Orang yang sedang berpuasa disyariatkan tidak melakukan perbuatan keji seperti bercakap kotor dan melakukan maksiat. Rasulullah SAW ada bersabda yang bermaksud:

“Puasa itu perisai maka janganlah orang yang berpuasa itu bercakap kotor dan melakukan perbuatan orang yang jahil”

(Riwayat al-Bukhari)

Merujuk kepada maksud hadis di atas, puasa boleh bertindak sebagai benteng dan perisai dalam kehidupan orang yang berpuasa dengan syarat ia memelihara ibadah puasa dengan sebaik mungkin. Selain daripada ibadah puasa ini boleh memberi didikan disiplin mematuhi waktu berpuasa, ia juga memberi didikan supaya perihatin dengan kesusahan orang lain terutama dari segi kemampuan untuk makan dan minum.

Ketika melaksanakan ibadah puasa, kejahatan nafsu syahwat seseorang dapat dikawal terutamanya bagi orang yang belum berkahwin. Hal ini jelas disebut oleh Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Sesiapa yang terdaya untuk berkahwin, maka kahwinlah, maka sesungguhnya kahwin itu lebih menjaga mata dan memelihara faraj dan sesiapa yang tidak terdaya maka hendaklah berpuasa kerana puasa itu mengalahkan syahwat”.

(Riwayat al-Bukhari dan al-Muslim)

Ibadah puasa juga menjadi pendorong kepada amal kebajikan yang lain. Rasulullah SAW sendiri giat menggandakan ibadah sunat yang lain seperti solat tarawih, iktikaf dan berqiamullail seperti sabda Rasulullah yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari yang bermaksud:

“Sesiapa menghidupkan Ramadan dengan keimanan dan pengharapan pahala daripada Allah Taala, maka akan diampunkan segala dosanya yang terdahulu.”

(Riwayat al-Bukhari)

Baginda Rasulullah SAW juga menggandakan sifat kedermawan ketika datangnya bulan Ramadhan seperti yang dilaporkan Ibn Abbas yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari yang bermaksud :

“Rasulullah adalah orang yang paling dermawan dan beliau lebih dermawan lagi pada Ramadan ketika Jibril menemuinya lalu membacakan padanya al-Quran.”

(Riwayat al-Bukhari)

Imam al-Ghazali (1990), memberikan enam rahsia puasa di dalam kitab karyanya Ihya' Ulum ad Din supaya terhasil kesan yang baik bagi orang yang berpuasa:

1. Menundukkan mata dan menahan dari meluaskan pandangan kepada segala perkara yang tercela dan dibenci oleh agama, dan dari apa sahaja yang melalaikan hati untuk berzikir kepada Allah.
2. Menjaga lidah dari cakap-cakap kosong, bohong, mencela, bercakap kotor, bertengkar dan riya'.
3. Menahan telinga dari mendengar hal-hal yang dilarang dan dimakruhkan. Krana semua yang haram diucapkan, haram pula didengarkan. Allah menyamakan antara mendengar perkara haram dengan memakan perkara haram.
4. Memelihara seluruh anggota tubuh yang lain seperti tangan dan kaki dari segala yang dibenci, menahan perut dari makan makanan yang syubhat ketika berbuka.
5. Tidak memperbanyakkan makan ketika berbuka, mengisi perut dan mulut dengan tidak sepatutnya.
6. Hendaklah hatinya berasa bimbang antara takut dan harap kerana tidak tahu adakah puasanya diterima dan ia menjadikan ia orang yang dekat dengan Allah, atau puasanya ditolak dan ia menjadi orang yang dibenci.

Zakiah Ulfah (2016) menyimpulkan dalam kajiannya mengenai kesan puasa terhadap kesihatan manusia menyatakan bahawa puasa merupakan cara yang terbaik untuk membersihkan racun yang terkumpul di dalam tubuh ataupun racun yang baru masuk melalui makanan yang tercemar. Ketika berpuasa, zat beracun yang tersimpan berpindah ke hati dalam jumlah yang besar. Di sanalah zat-zat tersebut mengalami oksidasi (peristiwa pelepasan elektron, baik melibatkan oksigen ataupun tidak) dan boleh dimanfaatkan dengan mengeluarkan unsur racun dari zat-zat tersebut. Maka racun yang ada akan hilang dan dikeluarkan dari tubuh melalui saluran pembuangan. Maka Allah SWT mensyariatkan ibadah puasa pada waktu siang bukan pada waktu malam, dari mulai terbit fajar hingga terbenam matahari, merupakan waktu-waktu seseorang sangat aktif, di mana proses kerja tenaga yang tersimpan dalam bentuk lemak dan glikogen juga terjadi di siang hari. Maka pada waktu inilah terjadi kenaikan glukosa yang tersimpan dalam hati pada tubuh yang merupakan makanan yang paling baik bagi otak.

iii- Kesan Ibadah Zakat

Di laman sesawang Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2015) ada memberikan jawapan kepada satu persoalan berkenaan hikmah dan faedah berzakat, bahawa amalan berzakat mampu menjadikan diri orang yang berzakat bersifat pemurah dan suka mengerjakan ibadah qurban. Amalan berzakat juga boleh menjauhkan sifat kedekut dan juga sifat bakhil. Orang yang menunaikan zakat akan merasakan bahawa hartanya berlaku pertambahan daripada berkurangan. Rasulullah SAW bersabda yang diriwayatkan Imam Muslim bermaksud :

“Zakat itu tidak mengurangi harta.”

Allah SWT akan menjauhkan harta tersebut daripada sesuatu yang memudaratkannya dan memeliharanya daripada gangguan manusia. Selain itu, Allah SWT juga menunjukkan cara-cara untuk memanfaatkan dan mengembangkan harta tersebut kepada pemiliknnya. Seterusnya Allah SWT memberikan ganjaran pahala yang besar kerana mengeluarkan harta semata-mata untuk keredhaan-Nya.

Ibadah zakat boleh menguatkan hubungan persaudaraan dan kasih sayang antara pengeluar zakat dengan penerima zakat. Apabila kesedaran ini wujud dalam masyarakat, setiap orang Islam mampu menunaikan kewajipan mengeluarkan zakat kepada pihak yang berhak menerimanya. Ianya dapat dilihat betapa eratnya jalinan kasih sayang sesama individu di kalangan orang Islam dan masyarakat keseluruhannya.

Zakat juga berperanan untuk memastikan sosio ekonomi sesebuah masyarakat itu menjadi lebih baik. Apabila bertambahnya jurang perbezaan taraf sosial, maka bertambahlah golongan yang memerlukan bantuan serta golongan fakir. Maka pneranan zakat ialah ia berfungsi memelihara masyarakat daripada jurang perbezaan taraf sosial yang ketara.

Ibadah zakat berperanan penting dalam menangani masalah pengangguran. Antara sebab utama yang menyumbang kepada pengangguran ialah kemiskinan. Orang yang miskin tidak mempunyai modal yang minimum untuk menjalankan sesuatu perusahaan atau pekerjaan. Oleh itu, jika sistem zakat berjalan mengikut haknya, sudah tentu orang yang miskin berhak menerima bahagiannya dan membolehkan mereka menjalankan perusahaan yang dirancang sesuai dengan kemahiran dan kelayakan yang ada pada mereka.

Zakat adalah salah satu cara yang dapat membersihkan hati daripada sifat-sifat keji yang memberi kesan kepada masyarakat, iaitu sifat berdendam, iri hati dan hasad dengki. Sifat-sifat tercela tersebut akan menjadi barah dalam masyarakat jika tiada lagi sifat berkasih sayang, tolong-menolong dan saling bersimpati. Ibadah zakat jika dilaksanakan dengan kaedah yang disyariatkan maka hasilnya akan melahirkan masyarakat yang harmoni dan penyayang. Zakat dapat membersihkan jiwa daripada sifat hasad dengki dan iri hati serta mengeratkan hubungan persaudaraan sekalipun mereka berbeza dari segi kemewahan dan kekayaan. Ini berdasarkan maksud firman Allah SWT:

“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari akhlak yang buruk)”.

(Surah al-Taubah (9): 103)

Syeikh Ali al-Jarjawi dalam bukunya, Hikmah al-Tasyri' wa Falsafatuhu berkata:

“Antara hikmah menunaikan zakat ialah membawa kepada keamanan dalam negara. Beliau memberi banyak alasan dan hujah bagi membenarkan kenyataan tersebut yang jelas menunjukkan bala menimpa masyarakat, negeri, negara dan tempat di mana pengabaian untuk mengeluarkan zakat berlaku. Natijah yang lebih parah lagi membawa kepada pembunuhan, jenayah, pencurian dan juga ramai yang ditangkap dan dimasukkan ke penjara kerana sebab harta benda dan kewangan.”

iv- Kesan Ibadah Haji

Ibadah haji mempunyai kesan-kesan mewatakkan ummah dan mewajahkan mereka dengan sifat-sifat mahmudah. Banyak manfaat boleh disaksikan dalam ibadat haji seperti firman Allah SWT dalam al-Quran yang bermaksud:

“Supaya mereka menyaksikan berbagai faedah bagi mereka, serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, atas kurniaan-Nya kepada mereka dari binatang ternak; maka makanlah kamu darinya dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir.”

(Surah al-Haj (22) : 28)

Ibadah haji boleh meningkatkan kesatuan dan kebersamaan di mana para jemaah haji saling berkongsi ilmu, pengalaman dan juga kepentingan sesama mereka. Ibnu Abbas menyatakan yang dimaksudkan dengan faedah dalam maksud ayat di atas ialah faedah di dunia dan di akhirat. Antara faedah dunia ialah segala bentuk manfaat yang boleh didapati daripada binatang sembelihan korban dan juga perniagaan. Manakala faedah akhirat ialah keredhaan Allah SWT yang diperolehi oleh jemaah haji kerana menunaikan ibadah haji (Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2015).

Ibadah haji juga mewujudkan perasaan kekitaan sesama umat Islam. Semua para jemaah akan berwukuf, *mabit*, *tawaf* dan *sa'i* di tempat yang sama. Melaksanakan rukun-rukun yang ada dalam ibadah haji akan melahirkan sifat hormat-menghormati, bertoleransi, saling *tawajjuh* kepada Ilahi, saling berdoa dan bermunajat dan bersama-sama mencari keredhaan Allah SWT.

Para jemaah haji juga melafazkan lafaz yang sama iaitu *talbiah* yang merupakan syiar yang satu dengan lafaz dan harapan mencari keredhaan Allah SWT. Para jemaah haji juga memakai pakaian yang sama iaitu ihram di tempat yang sama dan matlamat yang sama iaitu semata-mata meraih keredhaan Allah SWT yang akan membuahkan kesatuan hati untuk menghilangkan belenggu syirik dan kembali kepada Allah dalam keadaan Islam.

Agama Islam dibangun atas dasar bersatu dan berbaik dalam kalangan Muslimin. Oleh itu Allah SWT telah menjadikan sebahagian besar ibadah yang disyariatkan sebagai pertemuan dalam kalangan mereka dengan pelbagai cara. Kemuncaknya ibadah haji iaitu wukuf di padang Arafah memberi penyaksian bahawa inilah satu tempat yang dihadkan pada masa dan tempat yang sama pada ketika yang sama, di mana mereka berhimpun pada tempat yang satu dengan matlamat yang satu.

Ketika para jemaah berwukuf, kesemua jemaah melaksanakan rukun ini atas asas agar dapat perhambaan kepada Allah SWT. Ketika khatib berkhutbah di 'Arafah ia mengingatkan kepada khutbah Rasulullah SAW yang membuahkan cinta dan suka mengikuti Sunnah Baginda SAW. Para jemaah juga sama-sama bermunajat, berdoa dan berzikir adalah satu cara untuk menghampiri Allah SWT, membuang segala belenggu nafsu. Kesannya ialah pautan hati yang kental lagi kukuh.

Para jemaah haji juga berwukuf di tempat yang sama melambangkan mereka berkumpul di bawah satu payung syahadah dan Islam. Suasana di padang 'Arafah jika dihayati ia akan menjadi pemangkin ke arah kesatuan umat Islam yang akan menggerunkan musuh Islam. Kebersamaan ini juga akan menghasilkan pergorbanan untuk mempertahankan saudara seakidah yang lain (Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2015).

Manakala kesan-kesan ibadah secara umumnya adalah seperti berikut:

i- Melahirkan Kesatuan Matlamat

Dalam Islam, pelaksanaan ibadah mestilah difokuskan kepada Allah SWT dan bukan kepada selainNya. Pelaksanaan ibadah yang dilakukan kerana selain daripada Allah dianggap sebagai syirik *khafi* (syirik yang tersembunyi). Kesatuan matlamat inilah yang ditekankan oleh Allah SWT kepada umat Islam. Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Katakanlah: Sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan semesta alam. Tiada sekutu baginya; dan demikian itulah yang diperintahkan kepadaku dan Aku adalah orang yang pertama-tama menyerahkan diri (kepada Allah)".

(Surah al-An'am (6) : 162-163)

Inilah keindahan ibadah dalam Islam yang boleh menyatukan hala tuju kehidupan manusia di atas muka bumi ini agar semuanya berjalan bertepatan dengan kehendak Allah SWT. Oleh itu, semua amalan manusia yang dilakukan hanyalah semata-mata untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT dan bukan untuk mengambil keuntungan peribadi daripada pelaksanaan tersebut. Sifat ibadah dalam Islam inilah yang membezakan amalan manusia yang benar-benar berbakti kepada Allah SWT dan yang berbakti kepada hawa nafsu serta tujuan duniawi semata-mata. Pelaksanaan ibadah mestilah dilakukan dengan tulus ikhlas kepada Allah SWT tanpa diiringi matlamat-matlamat selain Allah. Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Padahal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah Allah dengan memurnikan ketaatan kepadaNya dalam (menjalankan) agama yang lurus, dan supaya mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat; dan yang demikian itulah agama yang lurus".

(Surah al-Bayyinah (98) : 5)

ii- Membentuk Budaya Hidup Islam

Pelaksanaan ibadah dalam Islam akan menghasilkan kesan tingkah laku yang baik dan ia dikenali sebagai akhlak. Akhlak-akhlak yang baik ini akan membentuk budaya hidup Islam yang luhur dan seterusnya akan melahirkan sebuah masyarakat yang didasari dengan nilai-nilai Islam. Perkara ini dijelaskan Allah dalam firmanNya yang bermaksud:

"Sibghah Allah (celupan agama Allah). Dan siapakah yang lebih baik sibghahnya daripada Allah? Dan hanya kepadaNyalah kami menyembah".

(Surah al-Baqarah (2) : 138)

Oleh yang demikian, sejauhmana penghayatan nilai-nilai Islam itu bergantung kepada kekuatan ibadah yang dilaksanakan oleh setiap Muslim berdasarkan kepada prinsip Amar Makruf Nahi Mungkar. Asas inilah mencegah manusia dari sifat-sifat munafik, kerana Islam dan isi kandungannya tidak boleh dilakukan atau diperkatakan secara sia-sia tanpa penghayatan iman yang tidak berbelah bahagi. Hasilnya, setiap amalan yang dilakukan itu adalah terjemahan dari sifat ikhlas dan berakhlak individu itu sendiri serta akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT kelak. Apabila budaya ketaatan terhadap perintah Allah SWT telah subur di dalam diri manusia, maka tingkah laku mereka akan diwarnai oleh perkara makruf sekaligus terhindarlah kemungkaran.

Maka inilah wajah budaya hidup Islam yang lahir dari masyarakat yang telah melaksanakan ibadah kepada Allah SWT dengan sepenuhnya sama ada zahir dan batin.

iii- Mendidik Seseorang Berlaku Jujur

Seseorang yang mengerjakan ibadah dituntut supaya melakukannya dengan ikhlas kepada Allah SWT tanpa mengharapkan balasan dan imbuhan daripada pihak lain. Sikap ini mendidik manusia berlaku jujur dalam melaksanakan perintah Allah SWT. Sifat jujur ini akan terhasil apabila hati manusia menerima segala arahan Allah SWT dengan penuh kerelaan. Dari sifat jujur inilah akan melahirkan rasa tanggungjawab terhadap orang lain. Hilangnya sifat jujur dalam diri manusia akan membawa kepada kehancuran lebih-lebih lagi sekiranya perbuatan tidak jujur ini dilakukan oleh orang-orang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab tertentu. Tegasnya, sifat jujur boleh lahir dari aktiviti-aktiviti pengabdian secara langsung kepada Allah dalam menyempurnakan tuntutan ajaran agama Islam.

iv- Tidak Disukai Syaitan

Beribadah kepada Allah SWT sememangnya bercanggah dengan kehendak musuh utama manusia iaitu syaitan. Syaitan yang asalnya dikenali dengan nama Iblis

merupakan makhluk Allah SWT yang tekun dan taat beribadah kepadaNya. Walau bagaimanapun disebabkan keengganan Iblis untuk sujud kepada nabi Adam a.s, Iblis mendapat kemurkaan Allah SWT dan sebagai tindak balasnya ia berjanji akan berusaha menyesatkan manusia sehingga hari kiamat. Hal ini dijelaskan dalam al-Qur'an sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud:

"Allah berfirman: "Wahai iblis, apakah yang menghalangi kamu dari sujud kepada yang telah Kuciptakan dengan kedua tanganKu (kekuasaanKu)? Apakah kamu menyombongkan diri atautah kamu (merasa) termasuk dalam golongan yang (lebih) tinggi?". Iblis berkata: "Aku lebih baik daripadanya, kerana Engkau ciptakan aku dari api, sedangkan dia Engkau ciptakan dari tanah". Allah berfirman: "Maka keluarlah kamu dari syurga, sesungguhnya kamu adalah orang yang terkutuk. Sesungguhnya kutukanKu tetap atasmu sampai hari pembalasan". Iblis berkata: "Ya Tuhanku, beri tangguhlah ajalku sampai hari mereka dibangkitkan". Allah berfirman: "Sesungguhnya kamu termasuk dalam golongan yang diberi tangguh sampai kepada hari yang telah ditentukan waktunya (hari kiamat)". Iblis menjawab: "Demi kekuasaan Engkau, aku akan menyesatkan mereka semuanya, kecuali hamba-hambaMu yang ikhlas antara mereka".

(Surah Sad (38) : 75-83)

Jelaslah, orang yang melakukan ibadah adalah golongan yang dibenci oleh syaitan. Syaitan akan sentiasa berusaha menyesatkan manusia dengan tipu daya yang dilakukan supaya manusia terus mengikuti jalan mereka. Justeru itu supaya manusia tidak terseleweng dari jalan yang benar, mereka mestilah melakukan ibadah dengan didasari ilmu pengetahuan agar ianya dapat menutup pintu-pintu syaitan yang akan menyesatkan manusia.

v- Terselamat Dari Kejahatan dan Maksiat

Ibadah yang dilakukan dengan tulus ikhlas kepada Allah SWT akan membersihkan jiwa manusia daripada kejahatan dan maksiat. Apabila jiwa manusia itu bersih dan suci daripada kejahatan dan kemaksiatan, maka dia akan dilimpahi rahmat dan kasih sayang Allah yang merupakan satu anugerah yang tidak ternilai kepada manusia. Kehidupannya di dunia akan diberkati dan dia bakal mendapat anugerah syurga di akhirat kelak. Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan adapun orang-orang yang takut kepada kebesaran Tuhannya dan menahan diri dari keinginan hawa nafsunya. Maka Sesungguhnya syurgalah tempat tinggal(nya)".

(Surah al-Nazi'at (79) : 40-41)

vi- Menghasilkan Pekerjaan Yang Berkualiti

Jika sesuatu pekerjaan itu didasarkan kepada ibadah, maka pekerjaan tersebut akan menjadi pekerjaan yang berkualiti. Ini kerana pekerjaan tersebut akan terhindar

daripada kecurangan, kemaksiatan dan kemungkaran. Sebaliknya mereka akan melakukan pekerjaan tersebut dengan sebaik mungkin bagi memberi kemanfaatan kepada umat manusia dan kemaslahatan kepada seluruh alam ini. Dalam sebuah hadis Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah SWT amat menyukai seseorang daripada kamu yang apabila melakukan pekerjaan, dia melakukannya dengan berkualiti".

(Riwayat al-Tabrani)

vii- Mencetuskan Perasaan Bebas dan Merdeka

Pelaksanaan ibadah secara tulus ikhlas kepada Allah SWT dapat melahirkan perasaan yang bebas dan merdeka dari sebarang kongkongan dan perhambaan kepada selain Allah SWT. Islam mengajar penganutnya agar bersifat merdeka dari semua kongkongan dan perhambaan selain dari Allah SWT. Seorang 'abid telah meletakkan Allah SWT sebagai ketaatan yang mengatasi keperluan dan kepatuhan selain dariNya. Jelasnya tujuan ibadah di dalam Islam adalah semata-mata untuk menguji kesetiaan seseorang muslim kepada Allah SWT. Dalam hal ini, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

"Padahal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah Allah dengan memurnikan ketaatan kepadaNya dalam (menjalankan) agama yang lurus, dan supaya mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat; dan yang demikian itulah agama yang lurus".

(Surah al-Bayyinah (98) : 5)

viii- Terbentuk Akhlak yang Mulia dan Jiwa Tenteram

Pelaksanaan ibadah secara tulus ikhlas kepada Allah SWT juga dapat melahirkan akhlak yang mulia dan jiwa yang tenteram. Ini kerana orang yang beribadah itu akan sentiasa melatih diri mereka untuk mentaati segala perintah Allah serta mencari keredaanNya dalam semua bidang kehidupan. Persoalan akhlak amat dititikberatkan dalam ajaran Islam malah ia menjadi tujuan utama pengutusan Nabi Muhammad SAW sebagaimana sabda baginda yang bermaksud:

"Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak mulia".

(Riwayat al-Baihaqi)

Akhlak dalam Islam adalah bertitik tolak daripada pengabdian seseorang kepada Allah SWT. Sunnah Rasulullah SAW perlu diikuti kerana baginda adalah peribadi contoh terbaik, sebaliknya semua perbuatan yang bertentangan dengan amalan Rasulullah SAW adalah dikira tidak berakhlak. Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung."

(Surah al-Qalam (68) : 4)

ix- Melahirkan Masyarakat Yang Produktif

Pelaksanaan ibadah yang tulus ikhlas kepada Allah dapat melahirkan sebuah masyarakat yang produktif. Ini kerana keluasan skop ibadah itu dilaksanakan dalam seluruh sistem kehidupan manusia seperti pendidikan, sosial, ekonomi dan sebagainya akan menjadikan manusia itu berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat yang telah digariskan. Bagi mereka, keluasan skop ibadah itu menjadi motivasi bagi mereka untuk bekerja dengan gigih bagi kehidupan mereka di dunia ini.

x- Melahirkan Negara Yang Melaksanakan Ajaran Islam

Pelaksanaan ibadah secara menyeluruh dalam setiap aspek kehidupan manusia dapat melahirkan sebuah negara yang melaksanakan ajaran Islam. Ini kerana rakyat jelata yang menghayati konsep ibadah, akan cuba mengaplikasikan ajaran-ajaran Islam dalam kehidupan seharian mereka. Manakala pemerintah pula akan melaksanakan pemerintahan berpandukan kepada ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah. Gabungan dua asas ini akan menghasilkan sebuah negara yang melaksanakan ajaran Islam yang makmur serta direndhai oleh Allah SWT sebagaimana negara Saba' pada suatu ketika dahulu. Dalam al-Qur'an, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

"Sesungguhnya bagi kaum Saba' ada tanda (kekuasaan Tuhan) di tempat kediaman mereka yaitu dua buah kebun di sebelah kanan dan di sebelah kiri. (kepada mereka dikatakan): "Makanlah olehmu dari rezeki yang (dianugerahkan) Tuhanmu dan bersyukurlah kamu kepadaNya. (Negerimu) adalah negeri yang baik dan (Tuhanmu) adalah Tuhan yang Maha Pengampun".

(Surah Saba' (34) : 15)

4.6 KESIMPULAN

Ibadah adalah lambang pengabdian umat Islam kepada Allah SWT dan ia adalah tuntutan asal penciptaan manusia itu sendiri. Melaksanakan ibadah mestilah mengikut panduan-panduan yang disyariatkan oleh Allah SWT. Jalan dan kaedahnya ada pada sunnah Nabi Muhammad SAW serta ijtihad para ulama' Islam dari zaman ke zaman. Setiap perkara dalam ibadah diperincikan dan dijelaskan. Ibadah tidak boleh dilakukan dengan mengikut citarasa manusia yang mungkin membawa kepada keburukan dan kejahatan.

Umat Islam beruntung kerana dalam Islam, skop dan ruang lingkup ibadah amat luas. Asalkan menepati kehendak dan syarat yang telah dijelaskan sebelum ini, sesuatu yang dilakukan akan diganjar dengan pahala ibadah. Namun asas yang paling utama pelaksanaan ibadah ialah kekuatan akidah dan tauhid kepada Allah SWT. Tanpa asas ini, ibadah yang dilakukan tidak akan dapat bertahan lama dan akan ada pasang surutnya.

Maka tujuan hidup manusia di atas muka bumi Allah SWT ini seperti yang diberitakan di dalam al-Qur'an adalah untuk beribadah kepada Allah SWT. Kembali kepada prinsip ini, hidup bukan ada tujuan lain melainkan beribadah kepada Allah SWT semata-mata.

RUJUKAN

- A. Rahman Ritonga & Zainuddin. (1997). *Fiqh Ibadah*. Jakarta: Penerbit Gaya Media Pratama.
- Dr. Mohd Nasir Ayub. (2015). *Islam Dalam Realiti Kehidupan*. Pulau Pinang: Percetakan Hijrah.
- Imam al-Ghazzali. (1990). *Bimbingan Mukminin Pada Mencari Redha Rabbil 'Alamin*, Singapura: Pustaka Nasional.
- Imam al-Ghazzali. (1990). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Khayr.
- Mohd Hasrul Shuhari & Mohd Fauzi Hamat. (2015). Nilai-Nilai Penting Individu Muslim Menurut Al-Ghazali. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, bil. 9.
- Rushdi Ramli. (2010). Nilai Ibadat Dalam Perbuatan Harus (*Al-Af'al Al-Mubahah*): Tinjauan Terhadap Pemikiran Ahmad Ibn Taymiyyah. *Jurnal Fiqh*, no. 7.
- Sharifah Hayati. (2008). Budaya Kerja Cemerlang Menurut Perspektif Islam: Amalan Perkhidmatan Awam Malaysia (*Excellent Work Culture from Islamic Perspective: Malaysian Public Services Practice*). *Jurnal Pengajian Melayu*, jilid 19.
- Sheikh Abdullah bin Muhammad Basmeih. (2000). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikr.
- Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar, Saadan Man, Muhammad Ikhlas Rosele & Mohd Anuar Ramli. (2014). Analisis Pandangan Fuqaha Terhadap Isu Tadakhul Dalam Ibadah Solat. *Ulum Islamiyyah Jurnal*, vol. 14.
- Yusuf al-Qaradawi. (1979). *Ibadah Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Yusuf al-Qaradawi. (1983). *Iman dan Kehidupan*. Jakarta: Bulan Bintang.